


Pengukuran Arah Kiblat Berdasarkan Kaedah Istiwa A'dzam

Masyarakat Islam di Malaysia, khususnya di Perak berkesempatan untuk menyemak arah kiblat berdasarkan kaedah Istiwa A'dzam. Umumnya peristiwa ini berlaku pada 28 Mei pada setiap tahun. Ini berdasarkan kitab-kitab falak seperti Khulasah Wafiyah oleh Syeikh Umar al-Jilani. Istiwa A'dzam berlaku ketika matahari sedang istiwa iaitu berada di tengah-tengah langit antara timur-barat dan utara-selatan di kawasan Ka'bah. Maka bayang dari sebarang objek tegak di kawasan yang mengalami hari siang akan mengadap ke arah kaabah ketika itu. Dalam kajian ilmu falak, Istiwa A'dzam berlaku ketika Deklinasi Matahari bersamaan dengan nilai Latitud (Garis Lintang) Kaabah iaitu $21^{\circ} 25' 22''$. Berdasarkan keadaan ini, maka kiblat dapat disemak berdasarkan arah bayang tersebut.



Gambar menunjukkan bayang ketika Istiwa A'dzam boleh dijadikan panduan arah kiblat.

Bagi tahun ini, iaitu tahun 2016 ialah tahun lompat (tahun kabisah), di mana pada bulan Februari yang lepas, terdapat 29 hari dalam bulan tersebut. Maka timbul persoalan, adakah tarikh Istiwa A'dzam berubah ke 27 Mei? Berdasarkan analisis ringkas data matahari di Ipoh (Lat : $4^{\circ} 36' 9''$ U, $101^{\circ} 4' 38''$ T) pada 27 Mei, jam 5:16:00 ptg menunjukkan nilai azimuth matahari, menghampiri nilai azimuth kiblat bagi kawasan Ipoh iaitu $291^{\circ} 54' 02''$ dengan beza $0^{\circ} 1' 29''$. Bagi tarikh 28 Mei beza azimuth matahari dan kiblat pula ialah $0^{\circ} 12' 37''$. Begitu juga beza deklinasi matahari berbanding nilai latitud Kaabah pada 28 Mei ialah $0^{\circ} 7' 46''$, manakala pada 27 Mei pula $0^{\circ} 1' 51''$. Berdasarkan nilai-nilai di atas, matahari akan berada pada tepat ke arah kiblat pada tarikh 27 Mei jam 5:16:00 ptg. Namun berdasarkan pengukuran pada bayang, tarikh 28 Mei jam 5:16:00 ptg masih boleh dilaksanakan dengan nilai ralat yang masih diterima dalam konteks syara'.

Berikut adalah perbandingan data matahari pada 27 dan 28 Mei jam 5:16 ptg.

Tarikh	Masa	R. A.	Dec.	Altitude	Azimuth
27/05/2016	17:16:00	04H 18M 37S	+21:23:31	+28:50:07	291:55:31
28/05/2016	17:16:00	04H 22M 41S	+21:33:08	+28:50:42	292:06:39

(Sumber Data : Accurate Time 5.1)

Maka dengan itu, Bahagian Falak, Jabatan Mufti Negeri Perak menyarankan agar masyarakat Islam di Malaysia khususnya di negeri Perak dapat menyemak arah kiblat pada samada 27 atau 28 Mei jam 5.16 ptg. Ia juga baik untuk dilaksanakan di premis seperti perumahan dan musalla di pejabat. Peluang ini perlu dimanfaatkan kerana ketepatan nilai ukuran dan kaedah yang mudah dapat dilaksanakan tanpa seseorang perlu mendalami ilmu falak secara mendalam.

Disediakan Oleh :

Bahagian Falak,

Jabatan Mufti Negeri Perak.